

PM: Penulis upahan sanggup jual diri

KUALA LUMPUR 12 April — Dato Sri Dr. Mahathir Mohamad menyifatkan penulis-penulis upahan yang melagakan pemimpin UMNO menjelang pemilihan jawatan tertinggi parti itu November depan sebagai 'golongan yang sanggup menjual diri' kerana wang ringgit.

Presiden UMNO itu berkata, golongan ini sengaja menghancurkan suasana politik negara menjelang pertandingan itu kerana inilah peluang mereka untuk mencari keuntungan dengan cara yang tidak bermoral.

"Mereka ini tulis macam-macam...menjatuhkan orang itu, menjatuhkan orang ini. Kita kena faham mengapa mereka berbuat demikian," katanya kepada para pemberita selepas mesyuarat

Majlis Tertinggi UMNO di sini hari ini.

Dr. Mahathir menegaskan demikian ketika menjawab soalan pemberita yang bertanya beliau tentang kehangatan Perhimpunan Agung UMNO 1993 yang kini sudah mula dirasai terutama dengan tersiarnya pelbagai berita dan laoran berkaitan pertandingan parti.

"Saya tak rasa panas pun," tegasnya kepada soalan apakah kehangatan pertandingan telah mula terasa walaupun ia masih jauh.

Beliau menjelaskan, penulis-penulis upahan menulis apa sahaja asalkan dibayar oleh orang tertentu.

"Setelah dibayar mereka sanggup buat apa sahaja...seperti orang menjual diri," kata Dr. Mahathir.